



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***Aplikasi Teknik Permainan Bahasa Terhadap Penguasaan Kosa Kata
Aktif Arab Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah***

Azmani Binti Abdul Wahab

FBMK 2015 87

**Aplikasi Teknik
Permainan Bahasa
Terhadap Penguasaan
Kosa Kata Aktif Arab
Dalam Kalangan Murid
Sekolah Rendah**

Azmani Binti Abdul Wahab

**Master Sastera
Universiti Putra Malaysia**

2015



**APLIKASI TEKNIK PERMAINAN BAHASA TERHADAP
PENGUSAHAN KOSA KATA AKTIF ARAB DALAM
KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH**

Oleh

AZMANI BINTI ABDUL WAHAB

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian
Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi
Keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Februari 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master
Sastera

**APLIKASI TEKNIK PERMAINAN BAHASA TERHADAP
PENGUASAAN KOSA KATA AKTIF ARAB DALAM
KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH**

Oleh

AZMANI BINTI ABDUL WAHAB
Februari 2015

Pengerusi : Nik Farhan Mustapha, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penguasaan kosa kata aktif adalah elemen utama dalam menentukan pemerolehan sesuatu bahasa. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing, penggunaan kosa kata aktif yang lebih kerap membolehkan murid mampu memahami dan menggunakannya dalam setiap aktiviti di bilik darjah. Namun begitu, kajian mendapati terdapat kemerosotan dalam kalangan murid sekolah rendah pada hari dalam menguasai kosa kata tersebut. Dalam hal ini, sarjana bahasa mencadangkan penggunaan teknik permainan bahasa sebagai satu medium bagi meningkatkan tahap penguasaan kosa kata. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap penguasaan kosa kata aktif Arab antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum menggunakan teknik permainan bahasa, membandingkan tahap penguasaan kumpulan eksperimen sebelum dan selepas menggunakan teknik permainan bahasa, dan menentukan perbezaan pencapaian kedua-dua kumpulan terhadap penguasaan kosa kata aktif Arab selepas menggunakan teknik tersebut. Kajian ini berbentuk kuasi-eksperimental dengan reka bentuk ujian pra-pasca. Responden yang dipilih adalah seramai 40 orang murid tahun lima yang dibahagikan kepada (2) kumpulan; iaitu kumpulan eksperimen seramai 20 orang dan kumpulan kawalan juga seramai 20 orang. Set ujian pra dan ujian pasca digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan data kajian, seterusnya dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan program SPSS versi 20.

Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan kosa kata aktif Arab sebelum rawatan dijalankan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Namun demikian, dapatan kedua menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian murid kumpulan eksperimen sebelum dan selepas rawatan dengan perbezaan nilai min -6.35 walaupun perbandingan pencapaian kedua-dua kumpulan selepas rawatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata aktif Arab. Selain itu, hasil kajian turut mendapati teknik permainan bahasa yang diaplikasi mampu meningkatkan tahap kefahaman dan ingatan makna perkataan murid tetapi kurang membantu dari segi penggunaan partikel dan juga mengingati ejaan kosa kata. Justeru itu, teknik ini efektif dan sewajarnya diaplikasi dalam pembelajaran bahasa khususnya dalam aspek penguasaan kosa kata aktif Arab yang memerlukan kekerapan penggunaan yang berterusan dalam bilik darjah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra
Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree Master
of Art

**THE APPLICATION OF LANGUAGE GAMES ON ARABIC
ACTIVE VOCABULARY MASTERY AMONG PRIMARY
SCHOOL STUDENTS**

By

AZMANI BINTI ABDUL WAHAB
February 2015

Chairman : Nik Farhan Mustapha, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Active vocabulary acquisition is a key element in determining the acquisition of a language. In the context of learning Arabic as a foreign language, frequent use of active vocabulary enables students to understand and use it in any classroom activities. However, studies found that there is a decline in primary school students on the day of mastering the vocabulary. In this case, language scholars suggested the use of language games as a medium to enhance vocabulary acquisition. Thus, this study aims to identify the level of acquisition of Arabic active vocabulary between the experimental group and control group before using language games, comparing the level of mastery of the experimental group before and after using language games, and determine the differences between both groups' acquisition after using this technique. This research which is quasi-experimental in design uses pre-posttests. The selected respondents were 40 Year Five students who were divided into 2 groups namely experimental group and control group consisting of 20 students in each group. A set of pre-and post-tests was used as the instrument to collect data which was later analyzed by using descriptive and inferential statistics using SPSS version 20.

Findings revealed that the students' acquisition level of Arabic, active vocabulary conducted before treatment showed no significant difference between the experimental group and control group. However, another finding showed that there was a significant difference on students' achievement in the experimental group before and after treatment with a mean difference of -6.35 although comparison between both groups after treatment showed no significant difference in Arabic, active vocabulary acquisition. In addition, the study also found

that the application of language game technique could enhance the level of understanding and memorization of word meaning but was less helpful in terms of use of particles and memorization of word spelling. Hence, this technique is effective and should be applied in language learning, especially in the aspect of Arabic, active vocabulary which requires frequent, continuous usage in the classroom.



PENGHARGAAN

Segala puja dan puji serta serta nikmat kesyukuran selayaknya untuk Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam buat junjungan Rasulullah S.A.W pembawa Rahmat ke seluruh alam. Seterusnya, yang paling layak bagi saya untuk menghulurkan kalungan penghargaan ini selepas Allah SWT dan RasulNya tidak lain dan tidak bukan ialah penyelia saya iaitu Dr. Nik Farhan Mustapha yang sentiasa membimbing dan memberi dorongan kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Kajian ini tidak akan sampai ke tahap ini tanpa bantuan dan bimbingan daripada beliau. Motivasi dan tunjuk ajar yang diberikan telah banyak memberikan inspirasi kepada saya. Terima kasih dr!

Saya juga ingin mengalungkan ucapan terima kasih sebagai tanda penghargaan kepada Dr Che Radiah Mezah atas setiap bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Terima kasih atas kesempatan masa yang diberikan dan tanpa jemu memberikan motivasi dan curahan idea dalam memberikan ilmu yang berguna. Selain itu, saya juga amat berterima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM yang telah banyak mencurahkan ilmu berguna yang tidak dapat saya nyatakan satu persatu di ruang yang terhad ini.

Dedikasi penghargaan ini turut ditujukan kepada jawatankuasa peperiksaan tesis ini iaitu Prof. Madya Dr. Abd Rauf , Dr. Pabiyah Hajimaming, Dr Zawawi Ismail dan Prof. Madya Dr. Muhammad Fauzi Jumingan dalam memberikan komen dan idea yang bernas supaya kajian ini menjadi lebih baik dari sebelumnya.

Setinggi-tinggi penghargaan turut ditujukan kepada guru besar SKPB; Puan Hajjah Rohana Ahmad yang telah memberikan kerjasama yang sewajarnya. Ekspresi terima kasih ini juga dilanjutkan kepada guru-guru dan murid-murid tahun 4 SKPB yang telah terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan yang disayangi serta kaum keluarga yang sentiasa memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan penghargaan terima kasih yang tak terhingga kepada rakan taulan teman seperjuangan yang telah banyak membantu dalam

menyumbangkan idea dan kata-kata motivasi sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini.

Akhir kata, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak terlibat yang telah membantu saya dari pelbagai aspek sama ada secara langsung atau tidak langsung terutamanya kepada pihak fakulti bahasa moden dan komunikasi termasuk staf yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan yang cemerlang. Sokongan yang diberikan oleh pihak sekolah pengajian siswazah tidak dilupakan dan didahului dengan ucapan terima kasih. Segala budi baik takkan dilupakan dan pastinya akan dikenang sepanjang zaman. Terima kasih.... Thank you... Syukran!



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 10 Februari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Azmani binti Abdul Wahab bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Aplikasi Teknik Permainan Bahasa Terhadap Penguasaan Kosa Kata Aktif Arab dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera

Muhammad Fauzi b Jumingan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abd Rauf bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zawawi bin Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 April 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Bahasa Arab. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Radiah binti Mezah, PhD

Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- * tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- * setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- * tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- * hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- * kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- * tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No.Matrik: Azmani Binti Abdul Wahab, GS 34005

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini diperakukan bahawa:

- * penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- * tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:
Dr Nik Farhan Bt Mustapha
(Pengerusi)

Tandatangan:
Dr Che Radiah Bt Mezah
(Ahli)

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PENGAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI ILUSTRASI	xix
SENARAI CARTA	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
SENARAI SINGKATAN	xxii
JADUAL TRANSLITERASI	xxiii

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	3
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	7
1.6	Objektif Kajian	8
1.7	Persoalan Kajian	8
1.8	Hipotesis Kajian	8
1.9	Batasan Kajian	8
1.10	Definisi Istilah	9
	1.10.1 Penguasaan	10
	1.10.2 Permainan Bahasa	10
	1.10.3 Kosa Kata Aktif Arab	10
1.11	Kesimpulan	10
2	SOROTAN KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	11
2.2	Konsep Kosa Kata Dalam Bahasa Arab	11
2.3	Kosa Kata Dalam Pengajaran Bahasa	12
	2.3.1 Kosa Kata Aktif	12
	2.3.2 Kosa Kata Pasif	14

2.3.3	Perbezaan Kosa Kata Aktif dan Kosa Kata Pasif	14
2.4	Proses Penguasaan Kosa Kata Aktif	15
2.5	Isu dan Permasalahan Dalam PdP Bahasa	17
2.5.1	Faktor Kelemahan Penguasaan Kosa Kata Pelajar	17
2.5.2	Tahap Penguasaan Kosa Kata BA	18
2.5.3	Teknik dan Strategi Pengajaran Kosa Kata	20
2.6	Keberkesanan Teknik Permainan Bahasa Sebagai Satu Pengajaran Alternatif	21
2.6.1	Rasional & Prinsip Pemilihan Teknik Permainan Bahasa	24
2.6.2	Objektif Permainan Bahasa	25
2.6.3	Jenis Permainan Bahasa	27
2.6.4	Cara Pengendalian Aktiviti Permainan Bahasa	28
2.6.5	Kerangka Jenis Permainan Bahasa Dalam Kajian	29
2.7	Penilaian Dalam Ujian Kosa Kata Aktif	30
2.7.1	Sumber Pemilihan Item Ujian Kosa Kata Aktif	31
2.7.2	Bentuk Format Ujian Kosa Kata Aktif	32
2.8	Kesimpulan	35

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Populasi dan Persampelan	38
3.4	Instrumen Kajian	39
3.4.1	Kriteria Pembinaan Soalan Ujian	40
3.4.2	Pemilihan Kategori Kosa Kata Aktif	42
3.4.2.1	Justifikasi Pemilihan Kosa Kata Aktif Arab Dalam Kajian	42
3.4.3	Bentuk Soalan Ujian	43
3.5	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	46
3.6	Tatacara Pengumpulan Data	47
3.6.1	Peringkat Kajian Rintis	48
3.6.2	Peringkat Kajian Sebenar	48
3.7	Prosedur Penganalisan Data	53
3.8	Kesimpulan	56

4 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	57
4.2	Analisis Kajian	57
4.2.1	Analisis Tahap Penguasaan Kosa Kata Aktif Arab Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Sebelum Menggunakan Teknik PB	57
4.2.1.1	Analisis Skor Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen	58
4.2.1.2	Analisis Skor Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan	66
4.2.1.3	Analisis Perbandingan Tahap Pencapaian Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	74
4.2.1.4	Perbandingan Tahap Penguasaan Kosa Kata Aktif Arab Pelajar Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Sebelum Menggunakan Teknik PB	75
4.2.2	Analisis Tahap Pencapaian Pelajar Terhadap Penguasaan Kosa Kata Aktif Arab Kumpulan Eksperimen Sebelum dan Selepas Menggunakan Teknik PB	76
4.2.2.1	Analisis Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen Berdasarkan Responden Kajian	77
4.2.2.2	Analisis Skor Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen Berdasarkan Kategori Item Soalan	79
4.2.2.3	Analisis Pencapaian Ujian Pasca Secara Keseluruhan Bagi Kumpulan Eksperimen	83

4.2.2.4	Analisis Perbandingan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	85
4.2.2.5	Perbincangan Tahap Penguasaan Kosa Kata Aktif Arab Pelajar Kumpulan Eksperimen Sebelum dan Selepas Menggunakan Teknik PB	89
4.2.3	Analisis Perbezaan Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Dari Segi Pencapaian	90
4.2.3.1	Analisis Perbezaan Pencapaian Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Responden Kajian	91
4.2.3.2	Analisis Perbezaan Pencapaian Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Kategori Item Soalan	92
4.2.3.3	Analisis Perbezaan Pencapaian Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Secara Keseluruhan	95
4.2.3.4	Perbincangan Analisis Tahap Penguasaan Kosa Kata Aktif Arab Pelajar Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Dari Segi Pencapaian	96
4.4	Kesimpulan	98

5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	100
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	100
5.2.1	Rumusan Tahap Pencapaian Pelajar Terhadap Penguasaan Kosa Kata Aktif Arab Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Sebelum Menggunakan Teknik PB	100

5.2.2	Rumusan Tahap Pencapaian Pelajar Terhadap Penguasaan Kosa Kata Aktif Arab Kumpulan Eksperimen Sebelum dan Selepas Menggunakan Teknik PB	101
5.2.3	Rumusan Tahap Perbezaan Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Dari Segi Pencapaian	102
5.3	Implikasi Kajian	103
5.4	Cadangan Kajian	105
5.4.1	Cadangan Untuk PdP Kosa Kata BA	105
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	106
5.6	Penutup	108
	BIBLIOGRAFI	110
	LAMPIRAN	117
	BIODATA PELAJAR	132

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1:	Skala Markah Ujian Pra Dan Ujian Pasca 39
3.2:	Jadual Penentu Ujian Bagi Set Ujian Pra 40
3.3:	Jadual Penentu Ujian Bagi Set Ujian Pasca 41
3.4:	Jadual Kekerapan Penggunaan Kosa Kata Aktif Arab Dalam Ujian Pra 43
3.5:	Jadual Kekerapan Penggunaan Kosa Kata Aktif Arab Dalam Ujian Pasca 43
3.6:	Jadual Taburan Kosa Kata Aktif Arab Dalam Ujian Pra 46
3.7:	Jadual Taburan Kosa Kata Aktif Arab Dalam Ujian Pasca 46
3.8:	Jadual Kebolehpercayaan Instrumen Kajian 47
3.9:	Prosedur Pengumpulan Data 53
3.10:	Jadual Ujian Normaliti Kajian 54
3.11:	Penentuan Hipotesis Nul Berdasarkan Nilai Signifikan 55
3.12:	Analisis Data Statistik 55
4.1:	Skor Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen 58
4.2:	Tahap Pencapaian Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen 59
4.3:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Pertama Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen (S1 hingga S5) 60
4.4:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Kedua Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen (S6 hingga S10) 61

4.5:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Ketiga Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen (S11 hingga S15)	62
4.6:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Keempat Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen (S16 hingga S20)	63
4.7:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Kelima Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen (S21 hingga S25)	64
4.8:	Skor Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan	66
4.9:	Tahap Pencapaian Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan	67
4.10:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Pertama Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan (S1 hingga S5)	68
4.11:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Kedua Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan (S6 hingga S10)	69
4.12:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Ketiga Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan (S11 hingga S15)	70
4.13:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Keempat Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan (S16 hingga S20)	71
4.14:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Kelima Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan (S21 hingga S25)	72
4.15:	Keputusan Ujian-t (<i>Independent sample t-test</i>) Menunjukkan Perbezaan Min Markah Ujian Pra (N= 20)	74
4.16:	Taburan Kekerapan Peratusan Menguasai Dalam AspekPB Bagi Kumpulan Eksperimen	77
4.17:	Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen	78
4.18:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Pertama Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen (S1 hingga S15)	79

4.19:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Kedua Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen (S6 hingga S10)	80
4.20:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Ketiga Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen (S11 hingga S15)	81
4.21:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Keempat Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen (S16 hingga S20)	82
4.22:	Taburan Kekerapan Peratusan Betul dan Salah Item Soalan Ketiga Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen (S21 hingga S25)	83
4.23:	Perbandingan Tahap Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen	86
4.24:	Keputusan Ujian-t (<i>Paired sample t-test</i>) Menunjukkan Perbezaan Min Markah Ujian Pra & Ujian Pasca (N= 20)	87
4.25:	Skor Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	91
4.26:	Taburan Kekerapan Peratusan Pencapaian Soalan Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	92
4.27:	Taburan Keseluruhan Kekerapan Frekuensi Betul Item Soalan Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	94
4.28:	Keputusan Ujian-t (<i>Independent Sample T Test</i>) Menunjukkan Perbezaan Min Markah Pencapaian Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Dari Segi Pencapaian (N= 20)	95

SENARAI ILUSTRASI

Ilustrasi	Muka Surat
1.1: Kerangka Konsep Penguasaan Kosa Kata Aktif Arab Pelajar Melalui Teknik PB Yang Diubahsuai Daripada Hatch & Brown (1995); Tu'aymah (1989) Dan Hunt & Buglar (2002)	5
2.1: Kerangka Jenis Permainan Bahasa Berasaskan Prinsip Penguasaan Kosa Kata (Hatch & Brown,1995; Tu'aymah, 1989 dan Hunt & Buglar, 2002)	30
3.1: Kerangka Reka bentuk Kajian Eksperimen Yang Diubahsuai Daripada Chua (2012) Yang Menggambarkan P&P Yang Menggunakan Teknik PB	37

SENARAI CARTA

Carta	Muka Surat
4.1: Pencapaian Peratus Keseluruhan Item Betul Dan Salah Ujian Pra Kumpulan Eksperimen	65
4.2: Pencapaian Peratus Keseluruhan Item Betul dan Salah Ujian Pra Kumpulan Kawalan	73
4.3: Pencapaian Frekuensi Keseluruhan Item Betul dan Salah Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen	84
4.4: Perbandingan Pencapaian Frekuensi Keseluruhan Item Betul Ujian Pasca dan Ujian Pra Bagi Kumpulan Eksperimen	85
4.5: Perbandingan Pencapaian Frekuensi Keseluruhan Item Kategori Pertama (K1) hingga Kategori Kelima (K5) Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen	92
4.6: Perbandingan Pencapaian Frekuensi Keseluruhan Item Betul Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	94

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Soalan Ujian Pra	117
B	Soalan Ujian Pasca	121
C	Surat Pengesahan Pakar	125
D	Contoh Lembaran Kerja PB "Kotak Misteri"	126
E	Contoh Lembaran Kerja PB "Telefon Rosak"	127
F	Contoh Lembaran Kerja PB "Kad Situasi"	128
G	Contoh Lembaran Kerja PB "Peta Minda"	129
H	Senarai Kosa Kata Dan PB Dalam PB	130

SINGKATAN PERKATAAN

PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
j-QAF	Jawi, Quran, Bahasa Arab & Fardhu Ain
SKPB	Sekolah Kebangsaan Parit Bilal
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SK	Sekolah Kebangsaan
BAK	Bahasa Arab Komunikasi
SMKAKL	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur
SAS	Sekolah Alam Shah
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
PKSR	Penilaian Kendalian Sekolah Rendah
JPU	Jadual Penentu Ujian
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Sciences</i>

JADUAL TRANSLITERASI

Bil	Huruf Arab	Nama dan Transliterasi	Bil	Huruf Arab	Nama dan Transliterasi
1	ء	'	16	ط	t
2	ب	B	17	ظ	z
3	ت	T	18	ع	□
4	ث	Th	19	غ	gh
5	ج	J	20	ف	f
6	ح	H	21	ق	q
7	خ	Kh	22	ك	k
8	د	D	23	ل	L
9	ذ	Dh	24	م	M
10	ر	R	25	ن	N
11	ز	Z	26	ه	H
12	س	S	27	ة	ī
13	ش	Sh	28	ا	A
14	ص	Ṣ	29	و	w/u/o
15	ض	D	30	ي	i/e

VOKAL PENDEK	
Arab	Rumi
ا	A
اِ	I
اُ	U

VOKAL PANJANG	
Arab	Rumi
اَ	A
اِ	I
اُ	U

DIFTONG	
Arab	Nama dan Transliterasi
أَوْ	Aw
أَيُّ	Ay
إِيّ	Iyy
أَوّ	Uww

* Transliterasi ini berdasarkan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. (Cetakan kedua 1992, hal.1-3)

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Akta Pendidikan (1996) menjelaskan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk membolehkan masyarakat menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran serta nilai murni yang diperlukan dalam dunia masa kini. Penguasaan ilmu tersebut dapat dicapai melalui perantaraan sesuatu bahasa.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penguasaan bahasa yang baik memberi gambaran kepada penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan. Murid yang berkemampuan dalam menguasai sesuatu bahasa dapat dilihat melalui pemerolehan kosa kata yang dimilikinya kerana ia menjadi elemen utama dalam mempelajari sesuatu bahasa (Tu'aymah, 1989). Oleh yang demikian, pembentukan murid yang 'berkosa kata' dalam menguasai kemahiran berbahasa perlu dibentuk dan dilahirkan menerusi inovasi guru mempelbagaikan pendekatan dan teknik PdP yang bersesuaian mengikut aras kognitif dan tahap kebolehan murid.

Kepelbagaian teknik pengajaran yang berkesan boleh digunakan oleh guru di dalam bilik darjah seperti pengaplikasian teknik permainan bahasa yang dilihat mampu memberi impak yang tinggi. Teknik ini adalah salah satu aktiviti tambahan di dalam bilik darjah yang mempunyai nilai pendidikan yang tinggi kerana ia sesuai digunakan pada semua peringkat pembelajaran bahasa terutamanya di peringkat rendah. Ia juga sesuai diaplikasikan pada pelbagai tahap pencapaian murid (Siti Hajar, 2005). Piaget berpendapat bermain mampu memberi kesan ke atas perkembangan kognitif murid. Malah, proses pembinaan pengetahuan juga dapat dibentuk melalui interaksi dan persekitarannya (Mohd. Sharani, 2006). Menurut tokoh pendidikan seperti Friedrich Froebel dan Maria Montessori, bermain adalah penting untuk mempelajari konsep dan membangunkan kemahiran dalam kalangan murid. Malah, Ornstein dan Hunskins turut berpandangan pembelajaran yang berkesan mestilah berdasarkan kepada keperluan dan minat murid (Sharifah Nor & Aliza, 2011). Oleh itu, perancangan aktiviti-aktiviti permainan yang bervariasi perlu dipelbagaikan supaya

ransangan otak dapat diintegrasikan antara satu sama lain (Shahabuddin, Rohizani & Mohd. Zahir, 2007). Berdasarkan pengalaman sebagai guru bahasa Arab di sekolah rendah, penyelidik mendapati murid yang mempunyai kelemahan dalam aspek pertuturan, pembacaan dan penulisan ialah mereka yang kurang dan hampir tidak menguasai aspek kosa kata. Justeru itu, kajian ini dijalankan menggunakan satu kaedah berbentuk permainan dalam usaha meningkatkan penguasaan murid terhadap kosa kata bahasa Arab yang dipelajari.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengajaran bahasa Arab bukanlah satu mata pelajaran baru di Malaysia. Malah ia telah mulai meningkat sejak dari tahun 1976 lagi di sekolah, kolej dan media perhubungan masa kini (Asma & Maimun, 2010). Seiring dengan perkembangan semasa, bahasa Arab turut mengalami perkembangan yang pesat apabila pelbagai kaedah pengajaran bahasa mula dikaji dan diuji keberkesannya terhadap pelajar bahasa terutamanya berkaitan pengajaran bahasa kedua dan bahasa ketiga kepada penutur bukan jati.

Matlamat pendidikan bahasa Arab di peringkat rendah bertujuan menanam minat untuk mempelajari bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan betul. Justeru, tumpuan kajian ini adalah berpandukan kepada matlamat khusus yang termaktub dalam sukatan bahasa Arab j-QAF merangkumi aspek kemahiran berbahasa iaitu menyebut perkataan, menulis perkataan di samping mampu menggunakan perkataan dan ayat dalam pelbagai situasi serta memahaminya (SP & HSP KPM j-QAF 2006).

Dalam konteks pengajaran bahasa Arab di sekolah rendah, penguasaan kosa kata merupakan peringkat pembelajaran asas yang perlu dipelajari oleh murid selain mempelajari bidang ilmu yang lain. Rosni (2011) menegaskan bahawa kosa kata adalah aset penting dalam mempelajari bahasa asing kerana sesuatu bahasa itu tidak dapat dituturkan melainkan menerusi bahasa yang mengandungi kosa kata yang baik.

Namun begitu, masalah yang sering dihadapi oleh murid pada hari ini ialah kegagalan mereka menguasai bahasa Arab sama ada dalam bidang penulisan, pertuturan mahupun pembacaan dengan baik kerana ketidakmampuan mereka

menguasai kosa kata (Hassan Basri, 1994). Malah, Saifol Barin (2006) menyifatkan ketidakmampuan ini mempunyai perkaitan dengan sikap mereka yang menganggap mata pelajaran tersebut susah dan membosankan.

Masalah ini berlaku kerana pembelajaran pada hari ini dilihat lebih menumpukan kepada sudut terjemahan teks semata serta tidak memusat kepada dua pihak iaitu antara guru dan murid (Rosni, 2009). Malah, pengajaran secara konvensional yang tidak menggunakan strategi PdP yang bersesuaian menjadi penyumbang kepada kegagalan murid dalam menguasai bahasa tersebut.

Pengajaran bahasa Arab yang berkesan adalah berkait rapat dengan kaedah yang digunakan oleh guru di bilik darjah. Malah, sesuatu kaedah PdP itu perlu mengalami proses perubahan yang lebih inovatif dan efektif untuk menarik minat murid menimba ilmu pengetahuan dalam suasana yang bermakna, menggembirakan dan menyeronokkan.

Antara kaedah dalam PdP pada masa kini yang dilihat interaktif, responsif dan menyeronokkan ialah menerusi teknik permainan bahasa. Walaupun kaedah pengajaran ini sudah lama diperkenalkan, namun ia menjadi pilihan paling praktikal dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah (Siti Hajar, 1996). Pendekatan ini sesuai digunakan dalam PdP bahasa Arab kerana ia mampu menarik minat dan menggalakkan penglibatan murid dalam kelas di samping mampu membentuk sikap positif terhadap pembelajaran.

1.3 Penyataan Masalah

Pengajaran bahasa Arab khususnya di sekolah rendah memberi penumpuan kepada empat kemahiran berbahasa yang asas iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bagi melengkapkan penguasaan kemahiran-kemahiran tersebut, aspek kosa kata merupakan elemen utama yang harus dikuasai pada peringkat awal kanak-kanak lagi (Rosni, 2009).

Isu penguasaan kosa kata seringkali menjadi kupasan utama dalam masalah pembelajaran bahasa kedua mahu pun ketiga bagi penutur bukan jati. Ini kerana murid yang tidak mampu menguasai kosa kata dengan baik bukan sahaja tidak mahir menggunakannya dalam ayat, bahkan gagal untuk

berkomunikasi dengan lancar. Masalah ini telah dikenalpasti berlaku dalam kalangan murid di peringkat rendah lagi apabila mereka kesian tidak mampu menggunakan perkataan dan menggunakannya dalam ayat mudah (Hasnurol, 2010). Hal ini terjadi kerana ia melibatkan masalah ingatan dan kefahaman yang menjadi penghalang keterbatasan murid dalam menguasai kosa kata (Rozman, 2013). Keadaan ini telah menyebabkan tahap pencapaian mereka mengalami kemerosotan dan tidak mencapai target yang memuaskan (Rahim @ Salleh, 2009).


Isu berkaitan kosa kata dan leksikal ini tidak seharusnya dipandang mudah kerana ia adalah elemen utama dalam pembentukan sesuatu bahasa. Kosa kata aktif sebagai contohnya, harus diberi keutamaan dalam setiap proses PdP kerana ia adalah jenis kosa kata yang diajar kepada murid untuk digunakan terutama dalam pertuturan dan penulisan. Umumnya tinjauan kajian-kajian lepas berkaitan isu kosa kata begitu meluas dikaji oleh sarjana bahasa. Namun begitu, kajian yang lebih terperinci berhubung kosa kata aktif Arab khususnya masih belum dikupas dengan selanjutnya. Bertitiktolak kepada permasalahan ini menyebabkan penyelidik ingin mengkaji dan mengupas isu ini dari aspek penguasaan murid.

Dunia pendidikan kanak-kanak pada hari ini menjadi lebih menarik sekiranya permainan dapat diaplikasi dan digabungkan dalam proses PdP bahasa Arab. Ini kerana bermain merupakan aktiviti yang digemari oleh mereka. Klasifikasi bermain dalam dunia pendidikan bukan hanya dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani sahaja, bahkan ia boleh dilakukan dalam semua mata pelajaran menerusi teknik permainan bahasa. Tinjauan beberapa kajian lepas berkaitan teknik permainan bahasa telah menghasilkan dapatan positif; antaranya ialah peningkatan tahap penguasaan murid dari aspek bahasa (Albert, 2009 & Muhammad Hafiz, 2009), dan juga prestasi serta pencapaian akademik murid meningkat di dalam pelbagai mata pelajaran untuk semua peringkat (Vijayaletchumy & Corella, 2008; Cheah, 2011; Albert, 2012; A. Chellamal, 2005; Sharifah & Aliza, 2011).

Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik cuba mengaplikasi teknik permainan bahasa dalam pengajaran kosa kata aktif terhadap murid tahun lima bagi melihat keberkesannya dalam membantu mereka menguasai kosa kata tersebut.

1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dibentuk berasaskan prinsip penguasaan kosa kata baharu yang dicadangkan oleh Hatch & Brown (1995), Tu'aymah (1989) dan Hunt & Buglar (2002) seperti yang dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 2. Berdasarkan prinsip penguasaan kosa kata oleh Hatch & Brown, penyelidik membina kerangka konseptual penguasaan kosa kata aktif Arab seperti yang terdapat dalam rajah 1.1.



Rajah 1.1: Kerangka konsep penguasaan kosa kata aktif Arab pelajar melalui teknik PB yang diubahsuai daripada Hatch & Brown (1995), Tu'aymah (1989) dan Hunt & Buglar (2002)

Penyelidik memilih prinsip ini sebagai model dalam kajian kerana ia menyatakan empat proses yang perlu dilakukan untuk menguasai kosa kata. Hatch & Brown mengenalpasti 4 prinsip tersebut iaitu mengecam perkataan, memahami makna, menggabungkan perkataan & makna, dan menggunakan perkataan (Hatch & Brown, 1995; Tu'aymah, 1989; dan Hunt & Buglar, 2002).

Kerangka konseptual kajian yang dibina oleh penyelidik terdiri daripada 2 pemboleh ubah, iaitu teknik permainan bahasa sebagai pemboleh ubah bebas. Manakala pembolehubah bersandar ialah tahap penguasaan pelajar terhadap teknik PB dalam aspek penguasaan kosa kata aktif Arab Tahun Lima. Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji hubungan antara teknik permainan bahasa dan tahap pencapaian murid terhadap penguasaan kosa kata aktif Arab.

Proses penguasaan kosa kata yang diutarakan oleh pakar-pakar tersebut telah menjadi panduan dalam kajian ini dan diaplikasikan melalui penggabungjalinan teknik permainan bahasa dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya, kajian ini bertitik tolak daripada andaian bahawa masalah pembelajaran murid ada kaitannya dengan strategi dan kaedah PdP yang digunakan dalam bilik darjah. Justeru, dengan terlaksananya kajian ini diharap dapat membantu menyelesaikan atau mengurangkan masalah pembelajaran pelajar dengan membuat rawatan yang bersesuaian dari segi pendekatan PdP yang bersesuaian dengan perkembangan kognitif murid.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak yang berkenaan dalam usaha meningkatkan lagi mutu keberkesanan dalam pelaksanaan proses PdP bahasa Arab di samping memperlihatkan tahap sebenar pencapaian dan penguasaan pelajar kepada semua pihak yang berkenaan. Hasil dapatan kajian ini adalah bertujuan untuk :

1.5.1 Kepentingan Kajian Kepada Guru

Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh guru bahasa bagi menggalakkan mereka mengaplikasi teknik permainan bahasa sebagai satu kaedah alternatif dalam PdP mata pelajaran bahasa Arab. Secara tidak langsung, ini akan membantu para guru memperbaiki serta menambahbaik kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai dengan aras perkembangan fizikal dan mental murid supaya masalah mereka yang tidak dapat menguasai kosa kata aktif Arab dapat diatasi dan diperbaiki dari masa ke masa.

1.5.2 Kepentingan Kajian Kepada Murid

Kajian ini amat berguna kepada murid dalam usaha untuk menambahkan rasa minat terhadap bahasa Arab sebagai bahasa syurga ini. Melalui pelbagai jenis permainan bahasa yang diterapkan dalam setiap aktiviti PdP, secara tidak langsung ia dapat memupuk keyakinan dan menaikkan semangat dalam diri mereka untuk terus mendalami dan memahami isi pelajaran serta mampu berkomunikasi sesama rakan di bilik darjah dalam suasana yang sihat dan bermanfaat.

1.5.3 Kepentingan Kajian Kepada Penggubal Soalan bahasa Arab

Kajian ini dapat dimanfaatkan oleh para penggubal soalan khususnya bagi mata pelajaran bahasa Arab bagi melihat skop dan bentuk ujian yang bersesuaian dengan tahap kebolehan dan pengetahuan murid bagi mencapai kemahiran berbahasa. Pembinaan soalan juga harus menepati standard yang telah ditetapkan dalam kandungan soalan-soalan dan item-item bagi menguji kosa kata murid.

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenalpasti tahap penguasaan kosa kata aktif Arab dalam kalangan murid tahun lima antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum menggunakan teknik permainan bahasa;
2. Membandingkan tahap penguasaan murid kumpulan eksperimen terhadap kosa kata aktif Arab sebelum dan selepas menggunakan teknik permainan bahasa;
3. Menentukan perbezaan penguasaan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan terhadap kosa kata aktif Arab selepas menggunakan teknik permainan bahasa.

1.7 Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif kajian yang telah ditentukan, persoalan – persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu :

1. Apakah tahap pencapaian murid terhadap penguasaan kosa kata aktif Arab dalam kalangan murid tahun lima antara kumpulan eksperimen dan kumpulan sebelum menggunakan teknik permainan bahasa?
2. Apakah tahap pencapaian murid terhadap penguasaan kosa kata aktif Arab dalam kalangan murid tahun lima kumpulan eksperimen sebelum dan selepas menggunakan teknik permainan bahasa?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dari segi penguasaan kosa kata aktif Arab selepas menggunakan teknik permainan bahasa?

1.8 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah seperti berikut :

Ha.1: Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penguasaan kosa kata aktif Arab antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum menggunakan teknik permainan bahasa;

Ha.2: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata aktif Arab dalam kalangan murid kumpulan eksperimen sebelum dan selepas menggunakan teknik permainan bahasa;

Ha.3: Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penguasaan kosa kata Aktif Arab antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, responden hanya terbatas kepada 40 orang murid tahun lima. Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Parit Bilal (SKPB), Batu Pahat, Johor. Penyelidik menjalankan kajian ini ke atas murid tahun lima sahaja kerana murid tahun enam tidak boleh diganggu kerana mereka perlu menumpukan kepada pelajaran untuk peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang akan datang.

Kajian ini juga dilimitasikan oleh reka bentuk kajian yang berbentuk kajian kuasi-eksperimental . Responden dibahagikan kepada kumpulan eksperimen seramai 20 orang dan kumpulan kawalan seramai 20 orang. Ini bermakna responden yang dipilih untuk kajian ini tidak dapat mewakili kesemua murid tahun lima di sekolah berkenaan. Jumlah responden dianggap mencukupi bagi menjalankan kajian kerana kajian ini berbentuk eksperimental.

Pengumpulan data hanya dihadkan kepada ujian pra dan ujian pasca. Analisis data dalam kajian ini tertumpu kepada markah yang diperolehi daripada murid berdasarkan ujian pra dan ujian pasca dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20.

Kajian ini hanya terbatas kepada 44 kosa kata aktif Arab sahaja berdasarkan tajuk kelapan dan kesembilan dari buku teks BA tahun lima yang merangkumi kata nama (اسم), kata kerja (فعل), kata sifat (صفة), partikel jar, kata nama objek (اسم مفعول).

Manakala teknik permainan bahasa yang dipilih dalam kajian ini hanya melibatkan 4 jenis permainan sahaja iaitu kotak misteri, telefon rosak, kad situasi dan peta minda . Skop dari aspek permainan yang dipilih mempunyai objektif yang tertentu berdasarkan kepada asas kemahiran berbahasa yang telah dipilih, iaitu kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis.

Keseluruhan dapatan kajian hanya terhad kepada pencapaian murid dari segi prestasi peratus gred lulus dan kemahiran kosa kata yang dikuasai dinilai hanya melalui aspek pengetahuan makna dan penggunaan perkataan mengikut konteks ayat dan tema.

1.10 Definisi Istilah

Beberapa istilah penting dalam kajian dinyatakan bagi menerangkan maksudnya menurut kesesuaian supaya dapat difahami dan tidak disalahtafsirkan untuk kajian ini.

1.10.1 Penguasaan

Penguasaan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kemampuan murid memberikan erti perkataan, menyesuaikan perkataan dengan gambar dan menyusun ayat mudah dan ringkas dari perkataan yang diberikan mengikut sukatan yang dilaksanakan di bilik darjah. Sukatan yang dimaksudkan ialah sukatan pembelajaran BA tahun lima melalui program j-QAF yang telah ditetapkan oleh pihak KPM.

1.9.2 Permainan Bahasa

Permainan bahasa yang dimaksudkan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah permainan yang melibatkan kosa kata aktif Arab yang dijadikan sebagai teknik dalam PdP subjek bahasa Arab. Jenis permainan yang dipilih berdasarkan objektif dan kemahiran tertentu melibatkan kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis. PB tersebut hanya dilaksanakan kepada kumpulan eksperimen sahaja.

1.9.3 Kosa Kata Aktif Arab

Kosa kata aktif Arab yang dimaksudkan dalam kajian ini melibatkan sejumlah perbendaharaan kata bahasa Arab yang telah dipilih daripada buku teks bahasa Arab tahun lima edisi 2011. Ia diambil daripada tajuk kelapan dan tajuk kesembilan sahaja dari buku berkenaan dan hanya melibatkan 44 jenis kosa kata aktif Arab sahaja.

1.11 Kesimpulan

Bab ini telah memberi gambaran tentang latar belakang dan permasalahan kajian terhadap penguasaan kosa kata khususnya dalam aspek kosa kata aktif Arab. Selain itu juga, bab ini menjelaskan tentang tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah secara keseluruhan. Adalah menjadi harapan penyelidik agar kajian yang terlaksana ini dapat memberikan kesan dan impak yang positif untuk dimanfaatkan oleh semua pihak terutamanya guru-guru bahasa Arab dalam usaha untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar murid peringkat rendah agar keterampilan berbahasa dapat dihasilkan dari semasa ke semasa.

BIBLIOGRAFI

- A. Chellamal Bagavathy (2005). Mengatasi kelemahan murid menguasai aspek tatabahasa dalam bahasa Melayu melalui cara permainan bahasa, Dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005: 50-58*.
- Ab. Halim Mohamad (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa Arab di IPTA Malaysia, *Journal of Islamic and Arabic Education Volume 1(1): 1-14*.
- Abd Razak Abu Chik (2004). *Pendekatan pengajaran berasaskan kata serapan bahasa Melayu untuk meningkatkan pemahaman perbendaharaan kata bahasa Arab Tinggi*, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak terbit).
- Abdul Aziz Abdul Talib (1996). *Menguji kemahiran bahasa: prinsip, teknik dan contoh*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al- Barry, Qasem (2011). *Asar istikhdam al-'ab al- lughawiyah fi manhaj al- lughah al- 'Arabiah fi tanmiah al- anmat lada tholabah al- marhalah al- asasih*. Al- Majallat al- 'urdunyah fi al- ulum at- tarbawiyah. Jilid 7. Bil. 1: 23-43, 2011
- Al Muslim Mustapa @ Ab Rahim, Ahmad Abdul Rahman, Faizol Azham Mohamed, Khairuzaman Kadir, Khazri Osman & Zainuddin Ismail (2012). Peningkatan kemahiran bahasa Arab melalui modul permainan bahasa. Dalam *Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/ Strategik Fakulti Pengajian Islam UKM, 24 Mac 2012: 1-6*.
- Al – Khuliy, M. Ali (1982). *Asalib tadrīs al- lughah al- arabiah*, Riyad: Darul Ulum.
- Al- Mu'jam al- 'arabiyy al- asasiyy (1999). Al- Munazzomah al- 'Arabiah li at-tarbiah wa as-saqofah wa al-ulum. Jamaah Min Kibar al- lughawiyin al-'Arab
- Al – Wafi (1990). *Mu'jam wasit lil- lughah al- arabiah*. Maktabah Lubnan.
- Ahmad Arifin Sapar, Nazirah Radin Salim, Ahmad Fikri Hj. Husin & Mat Taib Pa (2013). Penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap kata pinjaman bahasa

arab berasaskan pengetahuan sedia ada, *The Online Journal of Islamic Education Volume 1 (1)*, 48-59.

Ahmad Zakuan Md Khudzari, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Hanan Hamzah (2013). Teknik pengajaran kosa kata Arab melalui teknik nyanyian: Asas pengetahuan yang perlu ada pada guru bahasa Arab j-QAF, Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013, Bangi: Puri Pujangga UKM*, 127-138.

Albert Anak Menter (2009). Menambahkan penguasaan kosa kata bahasa Inggeris dalam pendidikan prasekolah menggunakan kaedah bermain dengan perkataan bahasa Inggeris "Mari Bermain Riang", Dalam *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP KG (BM) Ambilan Januari, Seminar Penyelidikan Tindakan IPGKBL*, 160-168

Allen, Virginia French (1983). *Techniques In Teaching Vocabulary*, New York: Oxford University Press.

Anderson, L., & Krathwohl, D.R. (2001). A taxonomy for learning, teaching and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives. New York: Longman.

Asma Abdul Rahman & Maimun Aqsha Lubis (2010). *Kaedah pengajaran bahasa Arab untuk kanak-kanak pintar*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Asmah Omar (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azani Ismail, Azman Che Mat & Mat Taib Pa (2012). Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa Arab, *GEMA Online Journal of Language Studies Volume 12 (1)*: 325-337.

Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (1992). Kementerian Pendidikan Malaysia.

Buku Teks Bahasa Arab KBSR Tahun Lima (2011). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Che Radiah Mezah (2010). *Pengajaran bahasa Arab siri 1*, Serdang : Universiti Putra Malaysia.

Che Radiah Mezah & Norhayuza Mohamad (2011). *Pengajaran dan pembelajaran kosa kata: Teori dan aplikasi*, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Che Radiah Mezah & Norhayuza Mohamad (2012). *50 permainan bahasa: Panduan praktikal untuk guru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cheah Kit Jeng (2009). *Keberkesanan kaedah permainan bagi menjana pemikiran kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran sajak kanak-kanak dalam bahasa Cina*, Tesis Sarjana Muda, Universiti Terbuka Malaysia (tidak terbit).

Chua Yan Piaw (2012). *Asas statistik penyelidikan buku 2 (edisi kedua)*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.

Chua Yan Piaw (2012). *Kaedah penyelidikan buku 1 (edisi kedua)*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Concise Dictionary (1990). *Al- maurid al- wasit muzdawij*. Darul Ilmi Lil Malayin

Dorry, Getrude Nye (1966). *Games For Second Language*, New York: McGraw-Hill, Inc.

Habibah binti Mhd. Said (2013). *Keberkesanan pembelajaran koperatif di dalam pengajaran bahasa Arab program j-QAF*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Fakulti Bahasa dan Linguistik (tidak terbit).

Hadfield, Jill (1996). *Elementary communication games: a collection of games and activities for elementary students of English*, Harlow, Essex: Longman

Hamdi bin Abdul Hamid (2010). *Pengajaran kosa kata Arab di peringkat menengah rendah*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Fakulti Bahasa dan Linguistik (tidak terbit).

Hassan Basri A.M Dahan (1994). *Tadris al-mufradat al-arabiyah li al-talabat fi al-madaris al-thanawiyat*, Majalah Pengajian Arab, Pusat Bahasa Universiti Malaya.

Hasnurol Hashim (2010). *Penguasaan kosa kata Arab program j-QAF dalam kalangan murid sekolah rendah*, Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (tidak terbit).

Hatch, Evelyn & Brown, Cheryl (1995). *Vocabulary, semantics, and language education*, Cambridge: Cambridge University Press.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab j-QAF Tahun 5 (2006). Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Abdul Aziz (1995). *Permainan bahasa untuk sekolah rendah dan menengah*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

Khaled Ahmad Bani Omar (2003). *An-Nur: Kaedah pengajaran bahasa Arab*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Linguistik (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1996). *Akta Pendidikan*, Kuala Lumpur: MDC Publication.

Linah Binti Summase (2009). Belajar sambil bermain, *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL: 92-101*.

Maher Sya'ban (2011). *Ta'lim al- mufradat al- lughawiyah*. Darul Musirah

Mohd. Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Sharani Ahmad (2006). *Psikologi kanak-kanak*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

Mok Soon Sang (2009). *Teks Komprehensif PTK Bahagian II: Khusus/ Fungsional pengajaran dan pembelajaran (P&P)*, Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.

Muhammad Hafiz Bin Abu Bakar (2009). *Keberkesanan kaedah permainan bahasa dalam mempertingkatkan penguasaan kata kerja al-Mudari dalam kalangan pelajar*, Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (tidak terbit).

Muhammad Rozman bin Abdullah (2003). *Pengajaran kosa kata bahasa Arab: satu kajian kes*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Fakulti Bahasa dan Linguistik (tidak terbit).

Nabihah Binti Yusof (2012). *Keberkesanan bimbingan rakan sebaya terhadap penguasaan perbendaharaan kosa*

kata bahasa Arab Tingkatan empat, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Pendidikan (tidak terbit).

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2003). *Teori bahasa: implikasinya terhadap pengajaran tatabahasa*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*, Malaysia: McGraw-Hill Sdn.Bhd.

Norhayuza Mohamad (2006). *Penggunaan strategi pemetaan semantik dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab*, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Fakulti Bahasa dan Linguistik (tidak terbit).

Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat dan misi*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rahim @ Saleh bin Ramly (2009). *Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah kebangsaan menerusi program j-QAF: satu kajian kes*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Fakulti Bahasa dan Linguistik (tidak terbit).

Ridzuan Bin Mat Yusof (2006). *Amalan pengajaran perbendaharaan kata di kalangan guru bahasa Arab di negeri Pahang*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya (tidak terbit).

Roslida Binti Haji Hamzah (2005). *Tahap penguasaan perbendaharaan kata dalam pembelajaran bahasa Arab komunikasi dalam kalangan pelajar menengah rendah: satu kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Naim Lil Banat, Kota Bharu, Kelantan*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia (tidak terbit).

Rosni Samah (2009). *Pendekatan pembelajaran kemahiran bahasa Arab untuk pelajar bukan penutur jati*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Rosni Samah (2011). *Pendekatan pengajaran kosa kata bahasa Arab di peringkat menengah: kajian kepada guru bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL)*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Rosniati Ahmad (2004). Meningkatkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Inggeris murid tahun 4 Cemerlang, Dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan Kebangsaan ke- XI BPPDP, Kementerian Pelajaran Malaysia: 26-29 September 2004*.

Saifuddin Hussin (2013). *Penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar tingkatan tiga: satu kajian kes di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) di Melaka*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Fakulti Bahasa dan Linguistik (tidak terbit).

Saifol Barin Ramli (2006). *Kajian Tindakan: Memahirkan murid dalam pembentukan ayat kata kerja dalam bahasa Arab melalui teknik Saipol Barin*, SMK Dato' Zulkifli Muhammad. Slim River. Perak.

Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (2006). Permainan Bahasa Dalam Pengajaran dan Pembelajaran, *Jurnal IPBA, Jilid 3, Bil (3): 108-119*.

Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (1996). *Tatabahasa bahasa Melayu: perkataan*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub & Mohd. Zahir Ahmad (2007). *Pedagogi strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*, Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.

Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Volume 1 (2): 1-15*.

Sharon Lee Fui Sze (2009). Teknik Round Robin dan Round Table dalam proses penulisan karangan bagi mata pelajaran bahasa Cina tahun empat, Dalam *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009: 121-134*.

Sohair Abdel Moneim Sery, Datin (1990). *Satu tinjauan tentang masalah-masalah pengajaran mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah Agama di Malaysia*, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak terbit).

Tu'aymah, Rushdi Ahmad (1989). *Ta'lim al- arabiyah li-ghayr al- natiqin biha*. Rabat: Al-Munazzamah al-Islamiyyah lil- arabiyah wa al- ulum wa thaqafah

Tu'aymah, Rushdi Ahmad, As- Syu'aibi & Muhammad 'Alauddin (2006). *Ta'lim al- qiraah wal adab: istiratjiyyah mukhtalifah li jumhur mutanawwi'*. Alkaherah: Darul Fikr al-Arabiyy

Vijayaletchumy Subramaniam & Corella ak Stephen (2008). *Keberkesanan kaedah permainan bahasa dalam pembelajaran bahasa kedua*, Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia (tidak terbit).

Zamri Mahamood (2007). *Psikolinguistik Dalam Pengajaran Dan Pemerolehan Bahasa Pertama Dan Kedua*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

